



PEMBERITAHUAN

INDIVIDU MENYAMAR SEBAGAI PENGARAH URUSAN SURUHANJAYA MELALUI AKAUN LINKEDIN: MCMC AMBIL TINDAKAN

CYBERJAYA, 28 Jun 2021 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan, pihaknya telah mengesan seorang individu yang bertindak menyamar sebagai Pengarah Urusan MCMC menggunakan akaun LinkedIn beliau.

Menggunakan nama Danta Kunye, akaun LinkedIn tersebut mengandungi gambar individu yang dimaksudkan selain memaparkan jawatan palsu yang disandangnya di MCMC dalam akaun berkenaan.

Bagaimanapun, hasil siasatan yang dijalankan mendapati, individu tersebut bukanlah kakitangan di MCMC. Perlu ditegaskan juga bahawa tidak ada jawatan Pengarah Urusan wujud dalam struktur organisasi MCMC. Lantaran itu, pihak MCMC telah memaklumkan insiden tersebut kepada pihak LinkedIn untuk tindakan selanjutnya.

Justeru, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dengan kewujudan akaun-akaun yang mencurigakan kerana ia berkemungkinan besar satu taktik penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Sekiranya tidak pasti mengenai kesahihan akaun-akaun sebegini, hubungi pihak berkuasa untuk pengesahan selanjutnya.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

www.mcmc.gov.my